General

Pupuk Kesedaran Budaya Menabung dan Celik Pelaburan

Tue, 07/03/2018 - 14:39

Kuantan, 25 Jun– Menyedari pentingnya kesedaran memupuk budaya menabung melalui pelaburan dalam kalangan mahasiswa, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama pihak Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mengadakan Program Literasi Kewangan ASNB 'Moh Melabur Weh! Pelaburan 360 Hari' yang berlangsung di Dewan Astaka , Universiti Malaysia Pahang Kampus Gambang baru-baru ini.

Program dianjurkan Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) ini disertai seramai 250 orang peserta yang terdiri daripada staf dan mahasiswa universiti. Hadir dalam program Dekan Pembangunan Pelajar JHEPA, Dr. Muhamad Mat Noor, Pengurus Bahagian Pentadbiran Kampus UMP Gambang, Haji Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman, Pengurus JJIM, Mohd Raizalhimy Mohd Rais dan Pengurus Jabatan Pemasaran dan Literasi Kewangan ASNB, Abdul Rahman Abdul Hamid.

Menurut Dr. Muhamad, program ini merupakan salah satu usaha untuk menyampaikan ilmu pelaburan dan perancangan kewangan kepada semua lapisan masyarakat. Mereka yang hadir diperkenalkan mengenai Asas Perancangan Kewangan dan berkaitan strategi pelaburan.
"Lebih menarik bersempena penganjuran seminar ini pihak ASNB memberi baucar RM10.00 dalam bentuk unit amanah dan membuka kaunter perkhidmatan ASNB untuk mahasiswa dan staf bagi mendapatkan perkhidmatan serta nasihat pelaburan," katanya.

Manakala bagi Abdul Rahman, program bersiri ini mendapat kerjasama dari Ibu Pejabat ANSB Kuala Lumpur dan Cawangan Negeri Pahang serta akan diteruskan dengan beberapa siri lain pada bulan Julai dan Oktober tahun ini. Mereka yang hadir juga menerima sijil penyertaan dan modul seminar.

Pihak ASNB juga menawarkan pelbagai produk pelaburan dan kewangan antaranya ialah Adam 50, My ASNB, Hibah dan Amanah dan Pengistiharan Amanah bagi pelabur bukan Islam.

- 150 views

View PDF